

Bil. S 57

AKTA SYARIKAT
(PENGAL 39)

ATURAN-ATURAN SYARIKAT (JURUAUDIT YANG DIBERI KUASA)
(PINDAAN), 2010

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan aturan 3 dari S 22/97.
 3. Pindaan Jadual.
-

**AKTA SYARIKAT
(PENGAL 39)**

**ATURAN-ATURAN SYARIKAT (JURUAUDIT YANG DIBERI KUASA)
(PINDAAN), 2010**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 281(2) dari Akta Syarikat, maka Pendaftar Syarikat, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Syarikat (Juruaudit Yang Diberi Kuasa) (Pindaan), 2010.

Pindaan aturan 3 dari S 22/97.

2. Perenggan A aturan 3 dari Aturan-Aturan Syarikat (Juruaudit Yang Diberi Kuasa) adalah dipinda —

(a) dalam perenggan kecil (b), dengan memotong "The Chartered Association of Certified Accountants" dan menggantikannya dengan "The Association of Chartered Certified Accountants";

(b) dalam perenggan kecil (c), dengan memotong "The Australian Society of Accountants" dan menggantikannya dengan "CPA Australia.";

(c) dengan memotong perenggan kecil (d).

Pindaan Jadual.

3. Jadual kepada Aturan-Aturan Syarikat (Juruaudit Yang Diberi Kuasa) adalah dipinda dengan memotong "\$500.00" dan menggantikannya dengan "\$2,500".

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 12 haribulan Jun, 2010.

**DATIN PADUKA DAYANG HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH**

Peguam Negara,
Pendaftar Syarikat,
Negara Brunei Darussalam.